

# Kaji gaji minimum banteras rasuah

UM-5/1/2007

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Kerajaan disaran mengkaji semula gaji minimum kakitangan awam kumpulan sokongan sebagai salah satu langkah untuk membanteras gejala rasuah.

Pengerusi *Bernama*, Datuk Mohd Annuar Zaini (*gambar*) berkata, pendapatan dan imbuhan yang begitu rendah, sehingga tidak mencukupi untuk menanggung keperluan seharian keluarga, mungkin mendorong seseorang pegawai itu terjebak dalam rasuah untuk kelangsungan hidup.

"Gaji begitu rendah tidak dapat menampung kehidupan di bandar raya.

Untuk meneruskan kehidupan, mereka terpaksa membuat pilihan sama ada melakukan kerja kedua secara sambilan atau mencari ruang atau peluang menggunakan kuasa dalam perkhidmatan awam," katanya pada Seminar Kebangsaan Abdullah Ahmad Badawi Tiga Tahun di Putrajaya: Menjejak Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara di sini hari ini.

Mohd Annuar berkata, kerajaan harus bersedia menerima hakikat itu dan mencari jalan penyelesaian secara holistik.

Beliau berkata, kerajaan memikul tanggungjawab yang besar untuk memastikan rakyat yang hidup tertekan dibebaskan daripada belenggu kesusahan.

Mohd Annuar berkata, gejala rasuah kedua yang mencemarkan perkhidmatan awam dilakukan pegawai yang memiliki kuasa lebih besar tetapi bernafsu untuk hidup di luar pendapatan mereka.

Katanya, penyelesaian bagi gejala rasuah jenis itu memerlukan ketegasan kerajaan dan pegawai kanannya yang boleh dijadikan teladan.

"Negara memerlukan lebih ramai (Tan Sri Mohd) Bakri Omar, bekas Ketua Polis Negara dan Ketua Polis Negara (sekarang), Tan Sri Musa Hassan. Kita perlu menghidupkan semula peranan Harun Hashim, bekas Ketua Pengarah BPR (Biro Pencegah Rasuah) dan Tun Salleh Abbas, bekas Ketua Hakim Negara," katanya.

Beliau juga berkata, media kerajaan perlu lebih berani mendedahkan kepincangan yang berlaku.

Terdahulu, Mohd Annuar berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merupakan nakhoda baru yang melayarkan bahtera negaranya melangkah usia 50 tahun kemerdekaan.

"Pelayaran ke destinasi baru turut memerlukan kelasi baru dan anak kapal yang memiliki wawasan dan minda yang sama dengan nakhoda baru," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri memerlukan mereka yang dapat sama-sama mengharungi cabaran dan membantu beliau menentukan arah pembangunan negara bagi mencapai wawasan 2020.

- *Bernama*